

19/9/17 (SELASA) (TIMUR) N/S: 42

Ikan tenggalan 1.62kg jadi juara

“Rezeki saya sudah tertulis apabila hanya selepas dua kali mata kail dibaling ke dalam tasik, ikan tenggalan seberat 1.62 kilogram (kg) menyambar, dalam masa 47 minit selepas pertandingan bermula hadiah tempat pertama bernilai RM7,000 sudah dalam genggaman.

“Saya bersyukur dengan kejayaan pertama itu yang akan menambahkan semangat untuk terus menyertai pertandingan memancing di daerah ini pada masa akan datang,” kata Mohd Khairi Hisyam Othman, 32.

Dia yang bertugas dengan syarikat membuat

kenderaan di Peramu Jaya, di sini, antara 588 peserta pertandingan memancing terbuka di tasik Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan (PSK) UMP.

Katanya, dia menggunakan umpan cacing sebagai usaha menarik perhatian ikan menyambar mata kail.

Katanya, tindakan penganjur melepaskan satu tan ikan patin, talapia merah dan keli ke dalam tasik seminggu sebelum pertandingan menambahkan lagi semangatnya memburu kejayaan.